



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : PSUKPP/28/2021

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang **G2, KATEGORI CE, PENGKHUSUSAN CE21 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam)** yang masih sah tempoh lakunya bagi menyertai sebut harga berikut:-

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF PAGAR SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG
BERKAITAN DI KUARTERS KERAJAAN NEGERI DI JALAN MASJID NEGERI,
DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** untuk menghadiri lawatan tapak. Sekiranya Kontraktor ingin mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan fizikal di tapak boleh menghubungi Pegawai berkenaan bagi tujuan penilaian sendiri. Amalan penjarakkan perlu diamalkan sebagai langkah kawalan pandemik COVID-19.
3. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman Portal Rasmi Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang**.
4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara atas talian (online) dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **15 Julai 2021 (Khamis)**
5. Borang tawaran yang telah lengkap diisi berserta profail syarikat dan maklumat pengalaman serta salinan sijil **SPKK, CIDB** dan **STB** dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 28 Julai 2021** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP/28/2021** di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**.. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.